

**Dr Mahathir Bersyukur MILF Dan Kerajaan Filipina Capai Perdamaian  
Bernama  
18 Oktober, 2012**

KUALA TERENGGANU, 18 Okt (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bersyukur konflik lebih 40 tahun di antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di wilayah selatan Filipina diselesaikan secara rundingan.

Beliau berkata sebagai manusia yang bertamadun, peperangan harus dielakkan dalam menyelesaikan pertikaian atau konflik.

"Saya bersyukur kerana akhirnya mereka dapat selesaikan pertikaian di selatan Filipina dengan cara rundingan dan Malaysia turut mengambil bahagian untuk memudahkan perjumpaan antara mereka.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Bangsamoro dan kerajaan Filipina dan kerajaan Malaysia juga kerana dapat menyelesaikan pertikaian dan menghentikan peperangan yang (telah) melibatkan pembunuhan begitu ramai askar dan juga rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Bicara Negarawan, Pemantapan Profesionalisme, Tranformasi Budaya Kerja dan Pentadbiran Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu di Taman Tamadun Islam (TTI) di sini Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702972>